



The Observer

08.07.2022

❖ Penalti demi penalti dikenakan terhadap Khee San Berhad

Bursa Malaysia Securities Berhad ('Bursa Malaysia') baru-baru ini mengambil tindakan terhadap syarikat pengeluar gula-gula, Khee San Berhad ('Khee San') dengan membuat teguran secara terbuka ke atas syarikat itu serta mengenakan denda sebanyak RM885,000 ke atas sembilan pengarah Khee San.

Khee San telah dikategorikan sebagai kaunter Nota Amalan 17 (*Practice Note*, PN17) pada November 2021 selepas salah sebuah anak syarikat milik penuhnya diletakkan di bawah pengurusan kehakiman.

Pengumuman klasifikasi sebagai syarikat PN17 dibuat selepas Khee San mencetuskan kriteria untuk diletakkan dalam kategori PN17 pada bulan Julai 2020. Walau bagaimanapun ia tidak diklasifikasikan sebagai penerbit tersenarai yang terjejas pada waktu itu disebabkan oleh langkah pelepasan sementara oleh Bursa Malaysia sebagai bantuan untuk mendepani pandemik COVID-19.

Bursa Malaysia dalam satu kenyataan berkata teguran secara terbuka telah dibuat terhadap syarikat kerana tidak mengumumkan kegagalan membuat pembayaran pelbagai kemudahan kredit dan pengisytiharan solvensi serta pelanggaran amalan tadbir urus korporat (*corporate governance*, CG).

Ini bukanlah kali pertama Khee San dikenakan teguran secara terbuka oleh pengawal selia atas salah laku. Imbas kembali peristiwa bulan Mei 2018 yang mana syarikat dan pengarahnya telah ditegur oleh Suruhanjaya Sekuriti (*Securities Commission*, SC) kerana gagal mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2015 dan 2016. SC telah mengenakan denda sebanyak RM1.86 juta kepada pengarah.

Kegagalan membuat pembayaran

Perkembangan terkini menyaksikan Bursa Malaysia membuat teguran terhadap Khee San kerana gagal membuat pengumuman serta merta kepada bursa mengenai kegagalan dalam pembayaran pelbagai kemudahan kredit oleh anak syarikat utamanya, Khee San Food Industries Sdn Bhd.

Syarikat telah gagal membuat pembayaran balik bagi kemudahan kredit berjumlah RM73.16 juta pada 30 Jun 2019, tetapi hanya membuat pendedahan lengkap

tentang kegagalan pembayaran tersebut kepada semua bank pemiutang pada 6 Julai 2020 - kelewatan lebih dari setahun.

Selaras dengan syarat-syarat penyenaian, penerbit tersenarai perlu membuat pengumuman serta merta apabila berlaku kegagalan membuat pembayaran walaupun rundingan dengan pemberi pinjaman belum selesai atau masih berterusan.

Pemegang saham minoriti perlu cakna perihal kegagalan membuat pembayaran balik kerana ia adalah isu yang serius. Ia memberi gambaran bahawa sesebuah syarikat tidak dapat melunaskan pembayaran apabila sampai tempoh. Ini menjadi mukadimah kepada banyak perkara buruk yang berlaku kepada syarikat, melainkan syarikat itu dapat mengesan dan menangani situasi tersebut dengan segera.

Pengisytiharan solvensi yang tidak tepat

Kedua, pengawal selia menyatakan bahawa Khee San telah gagal memastikan ketepatan representasi bahawa syarikat adalah solven dan mampu memenuhi komitmennya dalam tempoh 12 bulan melalui pengumumannya kepada Bursa pada 9 Ogos 2019, 23 Jun dan 6 Julai 2020.

Syarikat telah menegaskan dalam kenyataan itu, bahawa "pengisytiharan solvensi adalah tepat dan tidak palsu atau mengelirukan."

Bursa Malaysia dalam teguran secara terbuka terhadap Syarikat dan para pengarahnya menyatakan, ia melihat pelanggaran itu secara serius kerana syarat untuk membuat pengumuman serta merta mengenai kegagalan material dalam pembayaran kemudahan kredit dan menyediakan pengisytiharan kesolvenan yang tepat adalah asas dalam membolehkan para pelabur membuat keputusan pelaburan yang dimaklumkan mengenai keadaan kewangan Syarikat berkenaan.

Pelanggaran tadbir urus korporat

Akhir sekali, Bursa Malaysia juga menegur Khee San atas pelanggaran tadbir urus korporat (*corporate governance*, CG) apabila Syarikat mengisytiharkan secara salah penamaan/ peranan Dato' Sri Liew Yew Chung sebagai pengerusi/pengarah bukan eksekutif dalam laporan tahunan berakhir 30 Jun 2017 (yang dikeluarkan pada 31 Oktober 2017) dan Laporan Tahunan untuk tempoh kewangan 18 bulan berakhir 31 Disember 2018 (yang diterbitkan pada 8 Mei 2019).

Ini adalah salah nyata kerana Liew menjalankan peranan eksekutif dalam syarikat itu dan mempunyai autoriti untuk membuat keputusan penting.

Pengisytiharan palsu yang menyebut Liew sebagai pengerusi/pengarah bukan eksekutif dalam laporan tahunan adalah pelanggaran amalan tadbir urus korporat. Ia mengelirukan para pemegang saham kerana mereka bergantung kepada laporan tahunan sebagai salah satu sumber maklumat mereka untuk membuat keputusan pelaburan.

Kesimpulan

Tindakan Bursa Malaysia terhadap Khee San dan lembaga pengarahnya menghantar isyarat tegas bahawa Bursa tidak akan teragak-agak untuk bertindak terhadap syarikat awam tersenarai (*public limited companies*, PLC) dan pengarah yang mengabaikan kaedah-kaedah Bursa atau tidak mematuhi amalan tadbir urus korporat.

Selalunya Bursa mengambil tindakan pengawalseliaan terhadap pengarah yang bersalah dan bukan syarikat. Mengenakan denda ke atas syarikat hanya menyakiti pemegang saham minoriti kerana ia menjejaskan prestasi kewangan syarikat. Pengarah adalah manusia biasa yang menjadi alter ego sesebuah syarikat manakala sebuah syarikat hanyalah entiti yang sah yang tidak mempunyai minda atau hati atau motivasi untuk melakukan kesalahan. Dalam hal ini, tindakan Bursa wajar dipuji.

Pengawal selia seharusnya terus bertindak dengan berlaku adil dan tanpa rasa takut supaya meningkatkan lagi keyakinan pelabur dalam pasaran saham. Ini seterusnya menjadi faktor yang menarik lebih banyak pelabur asing untuk melabur dalam jumlah yang tinggi. Keyakinan yang pulih adalah berita baik kepada para pemegang saham minoriti kerana ia menambah jumlah aktiviti pasaran.

PLC dan pengarah bertanggung jawab terhadap pemegang saham untuk mengemudi syarikat mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Bursa dan mematuhi amalan tadbir urus korporat yang baik. Kegagalan berbuat demikian hanya akan menjejaskan komuniti pelabur.

Sebagai sebuah syarikat bermasalah yang dikategorikan sebagai PN17, Khee San sepatutnya lebih mematuhi peraturan yang telah digariskan. Namun, pemegang saham sudah pun mempunyai persepsi negatif terhadap syarikat disebabkan status PN17. Teguran secara terbuka dan denda yang dikenakan langsung tidak membantu memperbaiki persepsi negatif itu.

Saham Khee San kini didagangkan pada 12 sen, boleh dikatakan tahap paling rendah dalam tempoh 52 minggu. Permodalan pasaran bagi syarikat adalah kira-kira RM16.5 juta.

Begitulah resmi pemegang saham minoriti. Kadangkala mereka menyangka cuaca akan panas hingga ke petang, namun terpaksa menerima akibatnya apabila hujan turun di tengah hari.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 11 hingga 15 Julai 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
14.07.22 (Khamis) 10.30 pagi	Yinson Holding Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Yinson menyusut 25.6% dalam tahun kewangan 2022, kepada RM3.6 bilion daripada RM4.8 bilion pada tahun sebelumnya.</p> <p>Penurunan ini disebabkan oleh pengiktirafan jualan terus tidak berulang berjumlah RM1.0 bilion daripada Pengeluaran, Penyimpanan dan Pemindahan Terapung (<i>Floating Production Storage and Offloading</i>, FPSO) Abigail-Joseph apabila pajakannya bermula pada Oktober 2020.</p> <p>Sementara itu, perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (<i>earnings before interest, tax, depreciation and amortisation</i>, EBITDA) berjumlah RM1,402 juta dan keuntungan bersih berjumlah RM524 juta, masing-masing 13.5% dan 27.2% lebih tinggi daripada tahun kewangan sebelum ini.</p>
15.07.22 (Jumaat) 10.30 pagi	Yong Tai Berhad (EGM)	<p>Yong Tai berhasrat untuk mendapatkan persetujuan para pemegang saham untuk pelaksanaan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penyatuan lima (5) saham Yong Tai menjadi satu (1) saham Yong Tai - Terbitan bonus sehingga 103.1 juta waran percuma berdasarkan satu (1) waran bagi setiap empat (4) saham yang disatukan yang dipegang. - Pembayaran balik hutang kepada pemiutang berjumlah RM46 juta melalui penerbitan 92 juta saham Yong Tai baharu.

Perkara penting untuk diketengahkan:

Company	Perkara/ Isu untuk Diketengahkan
Yinson Holding Berhad (AGM)	Syarikat aktif membeli balik sahamnya dalam tahun kewangan semasa walaupun sentimen pasaran saham tempatan lemah. Pada Mac 2022, syarikat telah membeli balik sahamnya yang dinilai pada RM202 juta, RM178 juta pada tahun kewangan 2022 dan RM174 juta pada tahun kewangan 2021.

	<p>Jumlah pinjaman dan peminjaman Kumpulan juga meningkat kepada RM9,299 juta pada Mac 2022, berbanding RM8,758 juta pada tahun kewangan 2022 dan RM6,106 juta pada tahun kewangan 2021.</p> <p>a) Mengapakah syarikat tidak menggunakan wang tunai yang tersedia untuk mengurangkan jumlah pinjaman dan peminjamannya, memandangkan jumlah pinjaman dan peminjaman ini semakin meningkat tahun demi tahun?</p> <p>b) Melihat kos pinjaman Kumpulan, berapakah kos faedah yang dapat dijimatkan jika syarikat berjaya mengurangkan jumlah pinjaman dan peminjamannya dan bukannya membeli balik saham bernilai RM202 juta?</p> <p>c) Apakah pendapat syarikat terhadap nilai intrinsik saham syarikatnya?</p>
--	---

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
-

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.